

# Kewujudan *al-Kulliyat* di Sisi Ibnu Taimiyyah dan Kesannya Terhadap Teologi Falsafahnya: Kajian Terhadap *Isbat Sifat Allah*

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 23-34  
 © The Author(s) 2024  
 e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
 Received: 24 December 2023  
 Accepted: 3 January 2024  
 Published: 17 January 2024

## [The Ontological Status of Universals According to Ibn Taymiyya and Its Influence on His Theological Philosophy: A Study on His Method in Affirming The Divine Attributes]

Muhammad Asrie Sobri,<sup>1\*</sup> Mohd Sharuddin Titeh<sup>1</sup> & Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah<sup>1</sup>

1 International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.  
 E-mail: asrie.sobri@live.iium.edu.my; m.sharuddin@live.iium.edu.my; nikazizi@iium.edu.my

\*Corresponding Author: asrie.sobri@live.iium.edu.my

### Abstrak

Ibnu Taimiyyah telah memberikan perhatian penuh berkenaan isu *al-kulliyāt* ini dalam perdebatan teologi beliau dan menganggap isu tersebut antara asas penyimpangan dalam persoalan sifat-sifat Allah di sisi Ahli Kalām dan Falsafah. Dalam kajian ini, menjadi objektif para pengkaji meneliti sejauh mana status ontologi *al-kulliyāt* di sisi Ibn Taimiyyah mempengaruhi metodologi beliau dalam mengisbatkan sifat-sifat Allah S.W.T. Metode Kualitatif berasaskan analisis teks-teks Ibnu Taimiyyah menerusi karya beliau yang utama seperti: *Dar'u al-Ta'arud bayna al-'Aqli wa al-Naqli* dan *Bayañ Talbiš Al-Jahmiyyah*, di mana beliau mengkritik Ahl Falsafah Islam dan Ahli Kalām Sunni telah digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan Ibnu Taimiyyah menolak teori Realisme, namun tidak juga mengambil pendekatan Nominalisme dalam masalah ini, sebaliknya beliau menegaskan *al-kulliyāt* hanyalah hasil abstraksi 'aql (wujūd zihni), sedangkan wujūd realiti hanyalah kewujudan konkret di luar 'aql yang boleh dicapai pancaindera, maka sifat-sifat Allah yang terdapat persamaan nama dengan sifat-sifat makhluk tidak membawa implikasi *antropomorfisme* kerana setiap sifat itu adalah khusus bagi zat, tidak ada sebarang perkongsian pada ciri-ciri khusus antara dua benda yang mempunyai penamaan sifat yang sama, hanya berlaku perkongsian pemahaman makna asas sahaja yang membolehkan sesuatu pernyataan difahami pada 'aql. Hasil kajian ini diharap menyumbang lagi kepada pencerahan berkenaan pemikiran Ibnu Taimiyyah dan membentulkan beberapa tanggapan salah terhadap manhaj beliau dalam 'aqīdah dan seterusnya membina perbincangan yang lebih harmoni antara aliran-aliran teologi dalam kalangan Umat.

**Kata kunci:** Universals, Ontologi, Metafizik, Epistemologi, Teologi.

### Abstract

In his theological dispute, Ibn Taymiyya paid great attention to Universals and considered it the root of deviations regarding Allah's attributes on the side of the Kalām Theologians and the Philosophers. The researchers' goal in this study is to examine the extent to which the ontological status of universals influenced Ibn Taymiyya's methodology in affirming the Divine Attributes. Qualitative Method based on the analysis of Ibn Taymiya's texts such as *Dar'u al-Ta'arud bayna al-'Aqli wa al-Naqli* and *Bayañ Talbiš al-Jahmiyyah* has been applied in conducting the research. The findings showed that Ibn Taymiyya was not a Realist nor a Nominalist, instead, he stressed that universals are only the

result of mind abstraction (*Al-Wujūd Al-Dhihnī*), whereas real existence must be extramental, which can be perceived by the senses, hence the Allāh's attributes which there is a similarity of the name with the attributes of the creature do not carry the implications of anthropomorphism because each of the attributes is specific to the substance, there is no sharing on the specific characteristics between two objects that have the same attributes name, only the sharing of basic meaning understanding to allow a statement to be understood. The results of this study are expected to contribute further to the enlightenment of Ibn Taymiyya's thoughts and correct some misconceptions of his methodologies and thus build a more harmonious discussion between theological trends among Muslims.

**Keywords:** *Universals, Ontology, Metaphysics, Epistemology, Theology.*

**Cite This Article:**

Muhammad Asrie Sobri, Mohd Sharuddin Titeh & Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah. (2024). Kewujudan *al-Kulliyat* di Sisi Ibnu Taimiyah dan Kesannya Terhadap Teologi Falsafahnya: Kajian Terhadap Isbat Sifat Allah [The Ontological Status of Universals According to Ibn Taymiyya and Its Influence on His Theological Philosophy: A Study On His Method in Affirming The Divine Attributes]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 22-34.

## Pengenalan

*Al-Kulliyāt (Universals)* adalah ungkapan yang mengandungi makna yang tidak menunjukkan kepada sesuatu yang spesifik atau tertentu seperti: Manusia, Haiwan, dan Hitam. Di alam yang nyata ini kita hanya mencapai dengan pancaindera kita manusia spesifik; Zaid, Ali, John, Maryam, dan lain-lain, adapun ‘manusia’ semata-mata tanpa sebarang sifat spesifik; tempat, kedudukan, masa, saiz, warna dan sebagainya tidak dicapai oleh pancaindera namun difahami maksudnya.

Ahli Manṭiq membahagikan *Al-Kulliyāt* kepada tiga penggunaan iaitu: 1) *Al-Kulliy Al-Manṭiqī* yang merujuk kepada: “Perkara yang tidak menghalang apabila kita menggambarkannya dalam minda daripada berlaku perkongsian dengan banyak perkara” seperti perkataan Haiwan dan Insan, 2) *Al-Kulliy Al-Ṭabi‘ī*, iaitu: “Apa yang boleh menerima penamaan Kulliy tadi”, seperti perkataan Insan yang disandarkan kepada Zaid dan Ahmad, dan 3) *Al-Kulliy Al-‘Aqlī* iaitu gabungan kedua-dua *Al-Kulliy* tadi (Hasan, 2021). Majoriti Ahli Manṭiq Islam bersetuju bahawa *Al-Kulliy Al-Manṭiqī* dan *Al-‘Aqlī* tidak ada kewujudan luar minda, kecuali mereka yang menerima konsep Platonisme, manakala *Al-Kulliy Al-Ṭabi‘ī* di sisi mereka mempunyai kewujudan hakiki di luar minda bersama dengan partikular yang hakiki seperti konsep Aristotle (Bahrul 'Ulum, 2012; Al-Khabisi, 2020).

Persoalan tentang status ontologi atau kewujudan *Al-Kulliyāt* sering dikaitkan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Porphyry, seorang ahli falsafah pada abad ke-3 Masihi, murid kepada Plotinus, pengasas aliran falsafah Neo-Platonisme. Porphyry juga adalah penyusun kepada karya utama Plotinus iaitu: *Enneads* (Spade, 1994). Dalam karyanya dalam bidang Mantiq (Logik), berjudul *Isagoge*, dia memperkenalkan apa yang disebut sebagai: *Al-Kulliyāt Al-Khams*. Seterusnya dia menimbulkan persoalan yang tidak dijawab berkenaan status kewujudan *Al-Kulliyāt* ini (Spade, 1994). Mungkin disebabkan itu, ahli-ahli Mantiq menganggap isu ini di luar bidang kajian mereka dan menyerahkannya kepada persoalan *Al-*

*Ilāhiyat* atau Metafizik. Persoalan Wujud merupakan tunjang perbahasan Al-Ilāhiyat yang dikenali sebagai *Al-Falsafah Al-Ūlā*, maka konsep Al-Wujūd dan jenis-jenisnya menjadi perbincangan utama termasuk status kewujudan *Al-Kulliyāt* (Al-Khabisi, 2020; Qutb Al-Razi, 2015).

Jika ditelusuri lebih jauh sejarah perbincangan *Al-Kulliyāt* ini, pencetus awalnya adalah Plato menerusi gagasan beliau berkenaan kewujudan *Idea* atau *Forms* sebagai hakikat segala perkara. Menurut Plato, realiti sebenarnya bukanlah apa yang dicapai oleh pancaindera, sebaliknya wujud yang tersendiri terpisah daripada pancaindera dan terkenal dijelaskan menerusi ‘*Alegori Gua*’ (Aune, 1993).

Pandangan Plato ini pula, dibina atas konsep Nombor yang diperkenalkan oleh Pythagoras, bahawa nombor mempunyai wujud tersendiri yang terpisah daripada pancaindera dan itulah realiti yang sebenar (Aristotle, 2011). Falsafah yang digagaskan oleh Plato ini dikenali sebagai Platonisme atau Realisme (Al-Syibl, 2020; Aune, 1993).

Platonisme didefinisikan sebagai: ‘Pandangan yang mengatakan bahawa objek abstrak seperti objek matematik (Nombor) atau konsep seperti keadilan, kebaikan, dan lain-lain adalah wujud secara hakiki, tersendiri, tidak berubah, dan objektif’ (Blackburn, 2016). Plato juga menetapkan adanya wujud hakiki di luar minda bagi Masa, Ruang, dan Vakum (Ibnu Taimiyyah, 2005b).

Pandangan Plato ini disanggah oleh muridnya, Aristotle, yang mengemukakan falsafah baharu bahawa setiap benda yang wujud terdiri daripada *Hyle* (*Al-Jawhar*) dan *Forms* (*Al-Surah/Al-A'rād*) (Ibnu Taimiyyah, 2005b; Aune, 1993). Falsafah ini masih berteraskan konsep *Forms* oleh Plato, namun jika Plato mengatakan objek abstrak tersebut wujud secara tersendiri, Aristotle berpandangan ia wujud bersama dengan bentuk objek yang dicapai pancaindera (Ibnu Taimiyyah, 2005b).

Jika kita misalkan tiga Segi tiga berwarna Biru, maka menurut Plato, kesegitigaan yang hakiki wujud terpisah daripada tiga bentuk segi tiga tersebut, demikian juga kebiruan yang hakiki wujud terpisah dalam dimensi tersendiri yang dinamakan *Forms* atau *Idea* tersebut. Manakala di sisi Aristotle, kesegitigaan dan kebiruan yang hakiki ada pada ketiga-tiga segi tiga biru yang dicapai pancaindera namun hakikat itu sendiri di luar jangkauan pancaindera.

Dalam kalangan Ahli Kalam terutama pasca *Al-Ghazālī* yang mula memasukkan perbahasan falsafah ke dalam perbincangan Kalam, isu ini mendapat perhatian juga. Antara isu yang menonjol berkaitan status *Al-Kulliyāt* dalam kalangan mereka adalah persoalan *Al-Ahwāl* atau *Al-Hāl* yang dipegang sebahagian tokoh *Al-Mu'tazilah* dan *Al-Asya'irah* (Adamson & Benevich, 2023).

Antara perbahasan yang menjadi tumpuan berkenaan status ontologi *Al-Kulliyāt* adalah menetapkan kewujudan Tuhan sebagai di luar jangkauan pancaindera sama sekali. Pandangan ini mendapat tentangan daripada *Ahli Al-Hadīth* kerana menatihahkan penafian Sifat-sifat Allāh seperti *Al-Istiwā`* dan keberadaan Allah di atas seluruh makhluk-Nya. Sanggahan yang diberikan adalah kewujudan yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera sama sekali adalah mustahil pada akal dan hakikatnya tidak wujud. Dalam rangka menjawab sanggahan inilah, Ahli Kalam mengemukakan pandangan bahawa wujud yang di luar jangkauan pancaindera sama sekali tidak mustahil bahkan sememangnya ada dan dibuktikan dengan kewujudan *Al-Kulliyāt* (Al-Razi, 2022; Ibnu Taimiyyah, 2008).

Seorang tokoh Ahli Al-Hadīth yang terkedepan dalam mendepani Ahli Kalam dan Ahli Falsafah ialah Ibnu Taimiyyah; Ahmad bin Abdul Halim Al-Hanbali, seorang tokoh dalam kalangan mazhab Al-Hanabilah. Dilahirkan pada 10 Rabi'ul Awwal 661 H/22 Januari 1263 M dan wafat pada 20 Dhul Qa'dah 728 H/26 September 1328 M (Hoover, 2019).

Ibnu Taimiyyah banyak berpolemik dengan Ahli Kalam daripada aliran Al-Asya'irah dan Sufiyah Falsafiyah yang berpegang dengan *Wahdatul Wujud* yang mempunyai pengaruh kuat terhadap Kesultanan Mamluk di masa itu dan disebabkan itu beliau berhadapan banyak tribulasi daripada pihak berkuasa sehingga beliau wafat dalam tahanan di Damsyik (Hoover, 2019). Antara isu yang paling ditekankan oleh beliau dalam bantahan beliau terhadap Ahli Kalam dan Ahli Falsafah ialah masalah *Al-Kulliyāt*. El-Tobgui (2020) menyifatkan kritikan beliau dalam masalah ini sebagai: "Selak utama (*principal lynchpin*) bagi keseluruhan projek beliau untuk dekonstruksi falsafah dan merekonstruksi apa yang dianggap beliau sebagai akal sejahtera ('*aql ṣariḥ*')".

Manakala Al-'Umayri (2007) menyifatkan perbincangan dan diskusi Ibnu Taimiyyah terhadap masalah ini mempunyai kelebihan tersendiri kerana beliau sangat menekankan masalah ini dalam banyak perbincangan dan kitab beliau, kesungguhan beliau dalam mengkaji, merungkai, dan menganalisis punca masalah, menjelaskan pendapat-pendapat berkenaan, dan berusaha melakukan *tarjīh* untuk mencapai pendapat yang benar berkenaan.

Sebahagian pengkaji cuba menuai-padankan pandangan Ibnu Taimiyyah dalam masalah ini dengan sekolah-sekolah falsafah Barat seperti *Nominalisme* dan *Konsepsualisme*. Al-Nasasyar (1984) sebagai misalnya antara yang terawal mengutarakan bahawa pendapat Ibnu Taimiyyah dalam masalah ini bersesuaian dengan pandangan Nominalisme dan ia diikuti sejumlah pengkaji seperti Wael Hallāq (Hallaq, 1993) dan Abu Ya'rūb Al-Marzūqī (Al-Marzuqi, 1996).

Pandangan ini telah disanggah oleh Shukri dan Al-Samhuri (2020) dengan mendatangkan sejumlah bukti daripada pandangan Ibnu Taimiyyah bahawa beliau tidak menyetujui sepenuhnya konsep Nominalis. Al-'Umayri (2007) menyokong pandangan bahawa Ibnu Taimiyyah mendukung pandangan Konsepsualis, namun dikritik pula oleh Samrin (2020) bahawa pandangan Ibnu Taimiyyah tidak sepenuhnya sama dengan konsepsualis kerana epistemologi dan ontologi beliau dengan tegas menyatakan maklumat akal sepenuhnya bersifat *Posteriori* (diperoleh daripada pengalaman pancaindera), tidak ada maklumat akal yang berhasil tanpa perkara tersebut dan ini bercanggah dengan sikap sebahagian Konsepsualis yang menegaskan konsep akal wujud secara *A Priori* (mendahului atau terasing daripada pengalaman pancaindera), bahkan sebahagian Konsepsualis dilihat menyetujui pegangan Aristotle (Aune, 1993).

Qureshi (2023) dalam pembentangan beliau berkenaan perkara ini menyatakan, tidak sewajarnya perbincangan Ilmuwan Islam dalam masalah ini dihadkan pada pecahan aliran pemikiran Barat bahkan Ilmuwan Islam termasuk Ibnu Taimiyyah mempunyai pandangan yang tersendiri dan boleh jadi dalam sebahagian isu bersesuaian dengan Nominalis atau Konsepsualis bahkan Realis sekalipun.

Maka atas dasar untuk meninjau apakah pendapat sebenar Ibnu Taimiyyah dan menyumbang dalam usaha men-*taḥqīq* pandangan beliau dalam isu yang sangat penting dalam pemikiran teologi beliau, kajian ini dilaksanakan. Pengkaji mengharap hasil kajian ini membuka jalan lebih jauh untuk kajian-kajian yang lebih mendalam berkenaan perkara ini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini berteraskan kepada metodologi Kualitatif dengan berlandaskan kajian perpustakaan dan analisis dokumen-dokumen yang berkaitan. Kajian dijalankan dengan analisis terhadap perbincangan Ibnu Taimiyyah terhadap isu Al-Kulliyāt, secara khusus tumpuan diberi kepada apa yang beliau bincangkan pada Wajah ke-20 dalam karangan beliau: *Dar'u Ta'aruḍ Al-'Aqli wa Al-Naqli* serta dua jilid pertama kitab: *Bayān Talbīs Al-Jahmiyah*, selain beberapa karya beliau yang memfokuskan persoalan ini seperti: *Al-Rad 'ala al-Mantiqiyin* dan *Risālah fī Tauḥīd al-Falāsifah*.

## Dapatkan Kajian

Hasil kajian mendapati status ontologi *Al-Kulliyāt* di sisi Ibnu Taimiyyah terbina daripada konsep Wujud di sisi beliau iaitu: "Setiap wujud hakiki mestilah mempunyai kemungkinan untuk dicapai oleh pancaindera sama ada pancaindera yang zahir mahupun batin, apa yang tiada kemungkinan sama sekali untuk dicapai oleh pancaindera tidak wujud walaupun ia mungkin sesuatu yang boleh dikhayalkan oleh akal, beliau dengan tegas menolak konsep wujūd yang di luar capaian pancaindera sama sekali, yang hanya boleh dicapai dengan fahaman akal semata-mata.

Oleh itu, Ibnu Taimiyyah secara konsisten menolak Platonisme dan Realisme Aristotle berkenaan status ontologi *Al-Kulliyāt*. Menurut Ibnu Taimiyyah, asal capaian *Al-Kulliyāt* adalah daripada kewujudan hakiki di luar minda iaitu *Juz`iyat* (Partikular), menerusi capaian akal terhadap persamaan yang ada pada *Juz`iyat* inilah akhirnya minda merumuskan *Al-Kulliyāt*.

Menurut beliau juga, *Al-Kulliy Al-Tabi'i* tidak ada kewujudan melainkan secara *Juz`iyat* di luar minda. Apa yang dimaksudkan dengan kewujudan *Al-Kulliy Al-Tabi'i* tidak lain tidak bukan adalah: benda yang wujud secara realiti di luar minda bertepatan dengan *taṣawwur* (gambaran) akal dan asal gambaran ini diperolehi menerusi capaian pancaindera terhadap benda yang *juz`iy* dan hakiki di luar minda.

Berdasarkan konsep wujud dan status kewujudan *Al-Kulliyāt* ini, Ibnu Taimiyyah menegaskan bahawa apa juu sifat yang ada pada sesuatu yang wujud secara hakiki tidak ada perkongsian dengan benda wujud yang lain. Hal ini turut terpakai dalam hubungan antara *Al-Khāliq* dengan makhluk, apa juu sifat Allah *subḥanahu wa ta'ala* yang mempunyai persamaan nama dengan makhluk seperti Wujud, Mendengar, Melihat, Tangan, Mata, *Istiwa`* dan lain-lain adalah tidak sama dengan hakikat sifat makhluk kerana hakikat Allāh tidak sama dengan hakikat makhluk, persamaan itu hanya ada pada wujud *zihni* (capaian minda), tidak ada pada wujud hakiki di luar minda.

Setiap sifat Allah adalah khusus pada zat Allah yang sesuai dengan hakikat-Nya; maha sempurna, azali, abadi, manakala sifat makhluk sesuai dengan hakikatnya; tidak sempurna, baharu, dan fana.

## Perbincangan Hasil Kajian

Seperti yang telah dinyatakan bahawa isu *Al-Kulliyāt* di sisi Ibnu Taimiyyah adalah berkait langsung dengan konsep Wujūd itu sendiri di sisi beliau. Hal ini tidak ada bezanya dengan pihak lawan beliau dalam kalangan Ahli Kalam dan Falsafah yang turut membina falsafah mereka dalam isu *Al-Kulliyāt* berdasarkan konsep Wujud yang menurut mereka bukan syarat untuk sesuatu itu mempunyai Wujūd hakiki ia boleh dicapai oleh pancaindera, sebaliknya ada perkara yang sememangnya wujud namun menyelisih segala hukum pancaindera dan tidak ada sebarang kemungkinan untuk dicapai oleh pancaindera. Kata Al-Razi (2022): “Bahawa sesungguhnya kami mendakwa adanya wujud sesuatu yang tidak mungkin boleh diisyaratkan dengan pancaindera...”, manakala Ibnu Sina (2013) menyatakan:

“Kebanyakan manusia menyangka bahawa sesuatu itu wujud kerana ia dicapai oleh pancaindera dan apa yang tidak dapat dicapai pancaindera maka menganggap ianya wujud adalah mustahil .. jika kamu amati perkara yang dicapai oleh pancaindera itu sendiri, pasti kamu dapati bahawa anggapan mereka ini adalah batil”

Ibnu Sina menyimpulkan bahawa:

“Jika demikian maka Insan itu pada dirinya sendiri adalah satu pada hakikatnya, bahkan pada hakikat asalnya yang tidak berbeza dengan banyak bilangannya adalah tidak dicapai oleh pancaindera bahkan semata-mata dicapai oleh akal sahaja. Demikianlah keadaan setiap *Al-Kulliyāt*”.

Jelas daripada pernyataan Ibnu Sina ini, kewujudan *Al-Kulliyāt* di sisi beliau terbina daripada konsep Wujud itu sendiri yang menurut beliau tidak semestinya mampu dicapai pancaindera, cukup sekadar jika mampu dicapai secara akal.

Ahli Mantiq kemudiannya menjadikan dasar Ibnu Sina ini sebagai dalil bagi menetapkan adanya kewujudan hakiki di luar minda bagi *Al-Kulliyāt* namun kewujudannya tersebut adalah bersama dengan kewujudan individu bukan tersendiri (Al-Khabisi, 2020). Pandangan ini bersesuaian dengan falsafah Aristotle berkenaan isu ini bahawa kewujudan *Al-Hayūlā* adalah sentiasa bersama *Al-Šurah*, berbeza dengan falsafah Plato yang menyatakan Idea mempunyai kewujudan tersendiri (Bahrul 'Ulum, 2012).

Antara cabang isu ini di sisi Ahli Falsafah dan Ahli Kalam adalah perbezaan antara wujud dengan *Māhiyah*. Menurut mereka, *Māhiyah* sesuatu benda yang merupakan hakikat sesuatu adalah tersusun daripada *Al-Kulliyāt* seperti hakikat/*Māhiyah* Insan adalah tersusun daripada: *Al-Hayawāniyah* dan *Al-Nātiqiyyah* secara hakiki di luar minda (Al-Razi, 1987).

Al-Razi menegaskan, kadar persamaan antara apa yang wujud hakiki di luar minda adalah sebahagian daripada *Māhiyah* yang membentuk benda yang wujud tersebut, maka kadar persamaan itu semestinya wujud secara hakiki di luar minda juga (Al-Razi, 1987). Bahkan Al-Razi menyokong kewujudan *Idea* Platonisme yang mempunyai kewujudan tersendiri di luar minda dan tidak terkandung dalam kewujudan individu setiap benda (Al-Razi, 1987).

Ibnu Taimiyyah secara jelas menolak konsep wujud yang dikemukakan oleh Ahli Kalam dan Falsafah ini sama ada menurut beliau konsep Nombor di sisi Pythagoras, *Idea* di sisi Plato, mahupun *Hylephormism* di sisi Aristotle, kesemuanya adalah batil dan menyimpang daripada realiti (Ibnu Taimiyyah, 2005b, 2008). Dalam membantah perkara ini, Ibnu Taimiyyah menegaskan bahawa Wujud Hakiki adalah wujud di luar minda yang mungkin dicapai oleh pancaindera sama ada pancaindera zahir seperti sentuhan dan penglihatan atau batin seperti emosi dan pengetahuan. Apa yang tidak mungkin dicapai oleh pancaindera sama sekali maka ia tidak wujud walaupun boleh dikhayalkan oleh akal (Ibnu Taimiyyah, 2008). Beliau menegaskan bahawa (Ibnu Taimiyyah, 2005a):

“sesungguhnya setiap apa yang wujud secara sendirinya boleh dilihat; bahkan setiap apa yang wujud boleh dicapai oleh pancaindera sama ada dengan penglihatan atau selainnya, apa yang tidak dapat dicapai sama sekali oleh pancaindera, tidak lain tidak bukan ia tidak wujud...”

Beliau menegaskan bahawa ini adalah pandangan yang disepakati oleh Ahli Sunnah wal Jama'ah (Ibnu Taimiyah, 2005a): “... Ahlus Sunnah wal Jama'ah yang mengakui bahawa Allah ta’ala akan dilihat bersepakat bahawa apa sahaja yang tidak mungkin dicapai sama sekali dengan mana-mana pancaindera maka ianya tidak ada..”.

Menurut beliau, pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Kalam dan Ahli Falsafah merupakan asal doktrin *Al-Jahmiyah* yang menafikan sifat Allah ta’ala yang digagaskan oleh Al-Jahm bin Ṣafwan sendiri semasa perdebatannya dengan *Al-Sumaniyah* (Ibnu Taimiyah, 2005a).

Ibnu Taimiyyah berpandangan bahawa pendirian *Al-Sumaniyah* yang sebenar adalah tidak mengiktiraf kewujudan apa yang tidak ada kemungkinan untuk dicapai oleh pancaindera dan pendirian ini benar, bukan seperti sangkaan yang tersebar bahawa mereka mengingkari kewujudan apa yang mereka tidak alaminya secara terus (Ibnu Taimiyah, 2005a).

Allāh ta’ala tanpa diragui lagi mempunyai kewujudan hakiki di luar minda, maka menurut Ibnu Taimiyyah, Allāh boleh dicapai menerusi pancaindera sama ada zahir atau batin; Allah boleh dicintai, ditakuti, diketahui kewujudan-Nya, dan ahli Syurga akan melihat Allāh, ini semua adalah dalil bahawa kewujudan Allāh adalah *Mahsūs* (boleh dicapai pancaindera). Kenyataan Ibnu Taimiyyah ini disokong oleh pernyataan yang dikemukakan oleh Usman Al-Darimi dalam bantahan beliau terhadap Bisyr Al-Marīsī (Al-Darimi, n.d.):

“...kamu telah memberikan interpretasi yang salah berkenaan Tauhid kerana kamu mendakwa bahawa Allah tidak mungkin dicapai oleh mana-mana pancaindera yang lima kerana hakikatnya Dia pada kamu tiada kewujudan (yang hakiki/ di luar minda), sedangkan Allah telah menafikan dakwaan ini ... Allah memberitahu dalam kitab-Nya bahawa Musa mencapai kalam-Nya menerusi pendengaran dan ia salah satu pancaindera di sisi kamu dan kami juga. Demikian Dia akan dicapai di Akhirat dengan pandangan mata, ini adalah pancaindera kedua ...”

Makna yang sama diutarakan oleh Ibnu Jarīr Al-Ṭabarī dengan kata beliau (Al-Tabari, 2004):

“Ketahui olehmu-semoga Allah merahmati kamu- bahawa segala ilmu yang diperolehi oleh makhluk berkenaan urusan dunia mahupun agama tidak terkeluar daripada dua jalan ini: sama ada menerusi capaian pancaindera mereka; atau menerusi pendalilan berdasarkan apa yang mereka telah capai menerusi pancaindera mereka”.

Adapun berkenaan hubungan antara *Al-Māhiyah* dengan *Al-Wujūd*, Ibnu Taimiyyah menyatakan bahawa *Māhiyah* dan Wujud tidak ada beza hanya dari sudut kebiasaannya *Māhiyah* digunakan bagi merujuk kepada *Al-Wujūd Al-Dhihnī* (wujud minda) yakni: Ilmu yang dicapai oleh minda, sedangkan Wujud biasanya digunakan untuk merujuk kepada kewujudan sesuatu di luar minda secara hakiki (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Apa yang disebut sebagai *Māhiyah* bagi Insan sebagai contoh, iaitu *Al-Hayawāniyah* dan *Al-Naqiqiyah*, kedua-duanya tidak lain tidak bukan adalah sifat yang ada pada seseorang manusia, bukan dua benda yang tersendiri lalu bergabung membentuk manusia, sebaliknya minda memahami pada diri seseorang manusia itu mempunyai dua sifat utama tersebut (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Ibnu Taimiyyah sekali lagi mendatangkan hujah sokongan bagi pendirian beliau ini daripada tokoh-tokoh Ahli Kalam Sunni yang terawal antara yang terkedepan sekali adalah Abul Hasan Al-Asy’ari sendiri dengan kata beliau (Ibnu Taimiyyah, 2020):

“Adapun pendapat yang mengatakan bahawa wujud setiap sesuatu itu tidak lain tidak bukan adalah *māhiyahnya*; maka ini adalah mazhab Ahli Sunnah wal Jama‘ah serta seluruh Ahli Kalam *Al-Sifātiyah* seperti Abu Muhammad Ibnu Kullab, Abul Hasan Al-Asy’ari, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Karram, dan kebanyakan Ahli Kalam yang tidak bersetuju dengan Mu’tazilah yang berpendapat bahawa: *Ma ’dūm* adalah sesuatu’...”.

Antara penghujahan beliau juga adalah kalimah (*Al-Wujūd*) itu sendiri berasal daripada kata kerja: ﴿مَدِّعَ﴾ yang bermaksud: *mendapati*, maka wujud adalah keadaan sesuatu itu boleh didapati oleh pencarinya, maka mustahil sesuatu yang langsung tidak boleh dicapai oleh pancaindera itu wujud (Ibnu Taimiyyah, 2020, 2005a).

Seterusnya Ibnu Taimiyyah menggagaskan konsep Epistemologi beliau yang berteraskan kepada setiap ilmu yang dicapai oleh manusia, diperolehi menerusi capaian pancaindera sebelum diproses oleh akal. Beliau dengan konsisten menyatakan bahawa sumber capaian ilmu adalah menerusi: *Pancaindera*, *Akal*, dan apa yang tergabung dari kedua-duanya seperti *Khabar* (Samrin, 2020; Ibnu Taimiyyah, 2005b).

Pancaindera mencapai objek yang khusus, melalui proses pengecaman dan pembezaan yang berulang kali, akal membentuk konsep umum bagi objek tersebut, maka di sinilah wujudnya apa yang dinamakan sebagai *Al-Kulliyāt*. Kata beliau (Ibnu Taimiyyah, 2008):

“...maka penelitian yang menghasilkan apa yang tidak dicapai oleh pancaindera daripada apa yang dicapai oleh pancaindera, inilah yang menghasilkan perkara rasional yang hanya dicapai oleh orang yang berakal, inilah *Al-Kulliyāt* yang tersemat dalam minda mereka, kerana seseorang manusia apabila dia mencapai gambaran tentang si Zaid, atau ‘Amr, lalu dia meneliti persamaan yang ada antara kedua-duanya maka akalnya akan mencabut daripada persamaan itu makna ‘am dan menyeluruh di dalam akal, tidak mungkin tergambar untuk ia wujud di luar minda”.

Demikianlah menurut beliau (Ibnu Taimiyyah, 2008): “kewujudan *al-Kulliyāt*, ia adalah wujud di dalam minda dan sifat yang ada pada zat orang yang mencapainya dengan mindanya”, maka *Al-Kulliyāt* di sisi beliau ialah ilmu yang terhasil dalam minda individu dan merupakan sifat yang ada pada individu tersebut, ia wujud dengan wujud individu tersebut dan sirna daripada wujud dengan sirnanya individu tersebut.

Hakikat atau realiti tidak bergantung kepada apa yang ada dalam minda kita, sebaliknya capaian minda kita dan *taṣawwur* kita yang mengikut keadaan realiti di luar minda (Ibnu Taimiyyah, 2005b). Maka boleh jadi ada benda yang wujud secara hakiki namun seseorang tidak mengetahui berkenaananya maka tidak terbentuk dalam mindanya pengetahuan bersifat *kulliy* berkenaan perkara tersebut dan minda juga melakukan anggaran perkara yang tidak wujud bahkan mustahil wujud di alam realiti (Ibnu Taimiyyah, 2005a, 2008).

Kewujudan *Al-Kulliyāt* menurut Ibnu Taimiyyah adalah sama seperti seseorang berkata: “Aku telah melaksanakan apa yang akukehendaki”, atau “aku telah katakan apa yang terbukti di hati”, hakikatnya apa yang wujud di alam realiti tentu sekali bukan sama sepenuhnya dengan apa yang tergambar dalam minda dan jiwa kita. Namun, *Al-Kulliy Al-Tabi’i* dikatakan wujud di luar minda dengan makna: berlaku di luar minda atau ada di luar minda perkara yang bersesuaian dengan gambaran *al-Kulliy* tadi dalam minda dan jiwa (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Atas dasar itu, kadar persamaan antara dua benda yang wujud hanya ada dalam minda, sedangkan yang benar-benar wujud di realiti antara dua benda hanyalah kadar perbezaan sebagaimana kata beliau (Ibnu Taimiyyah, 2008): “Tidak ada di luar minda perkara yang dikongsi, yang ada hanyalah apa yang membezakan”, dan kata beliau: “sesungguhnya tiada di luar minda melainkan perkara yang menjadi perbezaan yang merupakan lawan bagi perkongsian”.

Rumusan konsep *Al-Kulliyāt* ini membawa kepada implikasi yang jelas dalam isu Sifat-sifat Allah ta‘ala di mana menurut Ibnu Taimiyyah, sebarang persamaan antara nama sifat Allah dengan sifat makhluk tidak melazimkan *tasybih* yang dicela. Persamaan antara dua hakikat diukur menurut beliau: “persamaan pada perkara yang *wājib*, harus, dan mustahil”, dan Allah subḥanahu wa ta‘ala tiada satu pun yang berkongsi dalam perkara yang wajib, harus, dan mustahil padaNya (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Adapun persamaan nama sifat seperti: wujud, ilmu, kudrat, dan lain-lain, persamaan ini hanyalah pada penamaan mutlak yang tidak tertentu dan ini (Ibnu Taimiyyah, 2008): “tidak ada melainkan pada minda, bukan pada benda nyata”, seperti mana sesama makhluk sendiri tiada perkongsian hakikat di luar minda walaupun makhluk mempunyai sesuatu yang setara dan sebanding dengannya kerana berkongsi persamaan pada apa yang wajib, harus, dan mustahil pada hakikatnya.

Segala kekurangan yang ada pada sifat makhluk adalah kerana hakikat khusus makhluk itu sendiri, bukan hakikat penamaan mutlak sifat tersebut sedangkan Allah ta'ala maha suci daripada sebarang kekurangan dan 'aib (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Maka di sisi Ibnu Taimiyyah, sifat-sifat Allah walaupun berkongsi makna yang sama dengan makna mutlak yang turut ada pada makhluk seperti dikatakan: Allah wujud, makhluk juga wujud, namun persamaan ini hanya makna atau konsep *kulliy* yang ditangkap oleh minda daripada penelitiannya terhadap wujud yang tertentu di luar minda, hakikatnya di luar minda tidak ada sebarang perkongsian kerana setiap benda yang wujud mempunyai wujud yang khusus bagi dirinya sendiri.

Ibnu Taimiyyah konsisten dengan kaedah ini yang beliau rumuskan sebagai: "Perbincangan tentang Sifat Allah adalah sama seperti perbincangan tentang zat-Nya", dan "Perbincangan tentang sebahagian Sifat Allah adalah sama seperti pada sebahagian yang lain", maka tidak ada beza konsep wujud tadi dengan sifat yang lain seperti: Hikmah, Ilmu, Kuasa, Iradat, Hidup, bahkan dengan sifat-sifat Khabariyah seperti: Dua Mata, Tangan, Istiwa` di atas 'Arasy, Turun ke langit dunia, dan lain-lain.

Atas dasar itu, konsep isbat terhadap sifat-sifat Allah di sisi beliau tidak menimbulkan sebarang waham atau sangkaan *tajsim* atau *tasybih* sama sekali kerana hakikatnya tidak ada perkongsian hakikat antara dua benda wujud pada realiti, di luar minda. Manakala persamaan yang ada pada minda tidak memberi kesan *tasybih* atau *tajsim* kerana ia bukan wujud hakiki, hanya *taṣawwur* makna atau konsep umum sahaja.

Berbeza dengan Ahli Kalam dan Falsafah yang mendasarkan konsep keesaan Tuhan atau *Tauḥīd* pada menafikan apa yang mereka namakan sebagai *Tarkīb* atau Komposisi di mana keesaan Tuhan bermakna perlu dinafikan daripada-Nya sebarang bentuk komposisi yang hakikatnya ia hanyalah perkara *Kulliy* yang ada dalam minda (Ibnu Taimiyyah, 2008).

Menurut Ibnu Taimiyyah, sama ada Ahli Falsafah *Peripatetic* seperti Ibnu Sina, Ahli Kalam baik aliran Mu'tazilah, Asya'irah, bahkan golongan Sufi Wahdatul Wujud, kesemua mereka mencedok daripada sumber yang sama menjadi punca kesesatan mereka menafikan sifat Allah seperti keberadaan Allah di atas 'Arasy dan keberadaan-Nya di atas segala makhluk sehingga mencapai ke tahap menyifatkan kewujudan Allah hanya wujud mutlak yang tiada realiti, punca kesemua penyimpangan ini adalah kekeliruan mereka dalam membezakan antara wujud hakiki di luar minda dengan wujud 'ilmī di dalam minda seperti *Al-Kulliyāt*. (Ibnu Taimiyyah, 2008)

Pendekatan Ibnu Taimiyyah terhadap isu *Al-Kulliyāt* ini mempunyai keistimewaan tersendiri dan tidak benar untuk dipadankan sepenuhnya dengan mana-mana aliran falsafah barat moden, sama ada Nominalisme maupun Konsepsualisme. Walaupun pandangan beliau dilihat lebih mirip dengan Konsepsualisme, namun Ibnu Taimiyyah jelas menyatakan punca bagi *Al-Kulliyāt* adalah proses akal terhadap realiti yang dicapai oleh pancaindera, bukan konsep yang sedia tersemat dalam akal atau terpisah sama sekali daripada pancaindera.

Beliau juga tidak menjadikan *Al-Kulliyāt* sekadar nama yang tidak membawa sebarang sifat hakiki, sebaliknya *Al-Kulliyāt* terbentuk daripada persamaan yang sememangnya ada pada realiti, ini menjadikan perbuatan memadankan falsafah beliau dengan Nominalisme secara total adalah tersasar daripada hakikat sebenar.

## Kesimpulan

Dapatlah dirumuskan daripada kajian ini bahawa Ibnu Taimiyyah mempunyai sistem teologi dan falsafah yang tersendiri dalam menghuraikan persoalan-persoalan Ontologi, Epistemologi, Ketuhanan, dan lain-lain. Ibnu Taimiyyah bukan seperti gambaran sebahagian orang bahawa beliau seorang yang tidak menceburkan diri dalam perbincangan teologi falsafah, sebaliknya beliau berusaha membina satu sistem pemikiran logik dan falsafah yang bebas daripada unsur-unsur luar daripada Islam dan mengembalikan sistem logik kepada fitrah yang asal. Kajian ini membuka ruang yang lebih mendalam untuk diteroka berkenaan pemikiran Ibnu Taimiyyah dalam masalah *Al-Kulliyāt* dan Wujud dari sudut perbandingan pemikiran beliau dengan falsafah moden sama ada Falsafah Minda, Ontologi, mahupun Falsafah Sains.

## Rujukan

- Adamson, P., & Benevich, F. (2023). *The Heirs of Avicenna: Philosophy in the Islamic East, 12-13th Centuries: Metaphysics and Theology*. Leiden: Brill.
- Al-'Umayri, S. (2007). *Al-Had Al-Aristi: Usuluhu wa Lawazimuhu wa Atharuhu 'ala Al-'Aqidah Al-Islamiyah*. Makkah, Saudi Arabia: Ummul Qura University.
- Al-Darimi, U. (n.d.). *Raddul Imam Al-Darimi 'ala Bisyr Al-Marisi*. (M. H. Al-Faqi, Ed.) Maktabah Ibn Taymiyya.
- Al-Khabisi, U. (2020). *Al-Tazhib fi Syarh Al-Tahzib*. Cairo: Dar Al-Imam Al-Razi.
- Al-Marzuqi, A. (1996). *Islah Al-Aql fil Falsafah Al-'Arabiyyah: min Waqi'iyyat Aristo ila Ismiyyat Ibn Taymiyya wa Ibn Khaldun*. Beirut: Markaz Dirasat Al-Wahdah Al-Arabiyyah.
- Al-Nasasyar, A. S. (1984). *Manahij Al-Bahth inda Mufakkiri Al-Islam*. Beirut: Dar Al-Nahdah.
- Al-Razi, M.U. (1987). *Al-Matalib Al-'Aliyah mi Al-'Ilm Al-Ilahiy* (Vol. 2&7). (A. H. Al-Saqa, Ed.) Beirut: Dar Al-Kitab Al-Arabi.
- Al-Razi, M. U. (2022). *Asas Al-Taqdis*. (A. Ismai'il, Ed.) Cairo, Egypt: Majma' Al-Buhuth Al-Islamiyah.
- Al-Syibl, M. (2020). *Musykilah Al-Kulliyat Al-Mantiqiyah*. Algeria: Ibn Nadim.
- Al-Tabari, M. J. (2013). *Al-Tabsir fi Ma'alim Al-Din*. Riyad: Maktabah Al-Rusyd.
- Aristotle. (2011). Metaphysics. In Aristotle, *The Philosophy of Aristotle*. New York: New American Library.
- Aune, B. (1993). *Metaphysics: The Elements*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Bahrul 'Ulum, A. A.-M. (2012). *Syarh Bahril 'Ulum 'ala Sullam Al-'Ulum*. Kuwait: Dar Al-Dhiya`.
- Blackburn, S. (2016). *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford: Oxford University Press.
- El-Tobgui, C. S. (2020). *Ibn Taymiyya on Reason and Revelation*. Leiden: Brill.
- Hallaq, W. (1993). *Ibn Taymiyya Against the Greek Logicians*. Oxford: Clarendon Press.
- Hasan, A. A. (202). *Khulasah Al-Qawa'id Al-Mantiqiyah*. Cairo: Dar Al-Imam Al-Razi.
- Hoover, J. (2019). *Ibn Taymiyya*. London: Oneworld Academic.
- Ibnu Sina, H. A. (2013). *Al-Isyarat wa Al-Tanbihat*. (M. Al-Zira'i, Ed.) Iran: Muassasah Bustan.
- Ibnu Taimiyyah, A. (2005a). *Bayan Talbis Al-Jahmiyah* (Vol. 1&2 ). (Y. Al-Hunaidi; Rashid Hasan, Ed.) Al-Madinah: Majma' Al-Malik Fahd.
- Ibnu Taimiyyah, A. (2020). *Masalah fi Tawhid Al-Falasifah*. Algeria: Ibn Nadim.

- Ibn Taimiyyah, A. (2005b). *Al-Radd 'ala Al-Mantiqiyin*. (A. S. Al-Katbi, Ed.) Beirut: Muassasah Al-Rayyan.
- Ibn Taymiyah, A. (2008). *Dar` Al-Ta'arudil 'Aqli wa Al-Naql* (Vol. 2). (M. R. Salim, Ed.) Riyad: Dar Al-Fadilah.
- Qureshi, O. (2023, July 21). Sunni Metaphysics and the Ontological Status of Universals. *ISTAC-IIUM Distinguished Scholar Lecture No.3*. [Video]. YouTube: [https://www.youtube.com/watch?v=Y4iJBInfuQ8&ab\\_channel=ISTACTV](https://www.youtube.com/watch?v=Y4iJBInfuQ8&ab_channel=ISTACTV)
- Qutb Al-Razi, M. (2015). *Tahrir Al-Qawa'id Al-Mantiqiyah*. Beirut: Al-Hasyimiyyah.
- Samrin, Y. (2020). *Nazariyah Ibn Taymiyya fil Wujud wal Ma'rifah*. Riyad: Markaz Al-Fikr Al-Gharbi.
- Shukri, A., & Al-Samhouri, R. (2020). Hal Kāna Ibn Taymiyya Failasufan Ismiyyan? Dirasah Tabliliyah Naqdiyah fi Qira`ah Abi Ya'rub Al-Marzouqi. *Tabayyun*, 31(8), 61-80.
- Spade, P. V. (Ed.). (1994). *Five Texts on The Mediaeval Problem of Universals*. Cambridge: Hackett Publishing.